

Najib mahu bekalan air untuk generasi akan datang mencukupi

Tangani isu air dengan bijak

Oleh M. SHAHRINNAHAR ABD. LATIB
nahar.latib@utusan.com.my

PEKAN 12 Mac – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, cabaran dan isu berkaitan air perlu ditangani dengan bijak bagi memastikan keperluan untuk generasi akan datang mencukupi.

Menurut Perdana Menteri, walaupun negara mempunyai jumlah taburan hujan yang banyak iaitu purata 3,000 mililiter setahun namun masih terdapat masalah bekalan air yang tidak mencukupi di beberapa tempat.

“Sebab itu kita melakukan pelbagai strategi dan tindakan supaya keperluan air di kawasan bandar dapat diuruskan dengan sebaiknya.

“Kerajaan amat prihatin kepada keperluan generasi akan datang, sebab itu kita perlu ambil langkah-langkah yang serius. Kajian juga sedang dilakukan dalam tempoh terdekat ini bagi mendapatkan mandat menerusi perundangan undang-undang.

“Selain itu, Dasar Sumber Air Negara dan penubuhan institusi air negara dan negeri akan diwujudkan bagi memastikan pengurusan sumber air dapat dijalankan dengan lebih berkesan,” katanya.

Beliau berucap merasmikan Sambutan Hari Air Sedunia 2011 Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas; Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui dan



NAJIB Tun Razak ditemani Douglas Uggah Embas dan Peter Chin Fah Kui melakukan gimik pelancaran dengan mengepam air ketika merasmikan Sambutan Hari Air Sedunia 2011 Peringkat Kebangsaan di Pekan, Pahang, semalam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Wira Chor Chee Heung.

Menurut Najib, urus tadbir bekalan air di peringkat persekutuan dan negeri perlu dilaksanakan secara bersepadu untuk menjamin keper-

luan kepada negara sentiasa mencukupi

“Saya ingin menyarankan supaya program pendidikan mengenai air dapat ditingkatkan supaya rakyat sedar mengenai peranan memelihara sumber air,” katanya.

Bagaimanapun, beliau kesal dengan tindakan beberapa pihak yang menjadikan air sebagai isu politik.

“Perkara ini tidak seharusnya dijadikan isu politik kerana ia merupakan keperluan asas bagi rakyat. Ini merupakan keperluan rakyat un-

tuk kehidupan seharian mereka,” tegas beliau.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, isu dan cabaran air ini boleh dibahagikan kepada tiga iaitu air yang berlebihan akan mengakibatkan banjir manakala jika berkurangan boleh membawa kepada kemarau selain aspek kualiti air yang tercemar.

“Antara cabaran yang kita hadapi saban tahun adalah banjir dan kemarau. Apabila hujan turun terlalu lebat banjir akan berlaku dan apabila hujan tidak turun dua tiga bulan masalah kemarau pula terpaksa kita tangani.

“Jelas sekali bahawa fenomena ini adalah global akibat daripada perubahan iklim dunia. Ini menunjukkan ancaman banjir dan kemarau tidak lagi mengikut musim dan waktu namun dikaitkan dengan fenomena perubahan cuaca di peringkat global,” jelasnya.

Katanya, masalah tersebut bukan sahaja menyebabkan kerugian mencecah jutaan ringgit malah boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

Oleh itu, katanya, kerajaan melancarkan Dasar Perubahan Iklim Negara pada tahun lalu yang mengandungi pelbagai strategi dan pelan tindakan strategik bagi mengurangkan impak daripada perubahan iklim ini kepada Malaysia.

“Saya ingin ingatkan semua Kementerian dan jabatan terlibat dengan dasar ini memberi perhatian serius dengan apa yang telah berlaku di dunia dan negara ini supaya impak perubahan iklim ini dapat diketahui awal,” jelasnya.